

21/10/1999

Pembubaran Parlimen tahun 2000?

Mahadzir Mohd Khir

MULAI Isnin (18 Oktober) lalu, perhatian rakyat tertumpu kepada persidangan Parlimen pada 18 Oktober yang lalu. Seramai 110 daripada 192 perwakilan hadir dalam sidang itu. Ada ramalan bahawa persidangan kali ini adalah yang terakhir sebelum ia dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya diadakan.

Tidak timbul lagi soal sama ada ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim diberitahu atau pun tidak. Apa yang pasti beliau tidak berada di Parlimen. Pada hari yang sama Hakim Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan pihak Anwar dipanggil untuk membela diri mulai hari Khamis (20 Oktober). Ini bermakna beliau akan sibuk dengan kes di mahkamah.

Dari sesi perbahasan di Parlimen, kes keracunan arsenik masih menjadi isu yang menimbulkan suasana cabar-mencabar antara wakil DAP dengan Barisan Nasional (BN). Ini kerana pihak pembangkang membangkitkan cadangan supaya diwujudkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat isu itu. Wakil Kerajaan, Datuk Azmi Khalid menyatakan adalah tidak perlu berbuat demikian kerana segala ujian dan pendapat daripada pakar Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) sudah cukup. Malah, Karpal Singh, anggota pembangkang yang juga peguam bela Anwar dicabar untuk menyebut apa yang dinyatakan di mahkamah dan di luar mahkamah.

Pada 29 Oktober pula, Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainudin akan membentangkan Belanjawan 2000. Seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini bahawa belanjawan akan tetap dibentangkan.

Dr Mahathir yang tidak pernah letih terus mampu menaiki kereta laju, turut menyaksikan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Grand Prix KL yang pertama kali diadakan di Malaysia. Beliau sendiri menyatakan suka bermotor seperti grand prix adalah kegiatan yang akan membawa pulangan besar, bukan saja dari segi pelancongan, malah pekerjaan dan dalam bidang kejuruteraan bermotor. Ini akan membantu dari segi industri motokar Malaysia dan minyak Petronas.

Selesai Grand Prix, beliau berkesempatan pula menemui Presiden Palestin, Yasser Arafat. Pertemuan itu sebagai menyatakan penghargaan Palestin atas sokongan Malaysia selama ini untuk membolehkan wujudnya negara Palestin. Di samping itu, Arafat juga menyatakan sokongannya terhadap pendirian Menteri Luar Syed Hamid Albar, berhubung isu kontroversi penemuannya dengan wakil Israel di New York baru-baru ini. Pendirian Malaysia tetap tidak berubah iaitu untuk kebebasan Palestin. Oleh itu, tidak timbul sama sekali kemungkinan adanya hubungan diplomatik Malaysia Israel seperti dibangkitkan oleh Pas. Malah tidak timbul diplomasi bersemuka sebagai langkah awal hubungan diplomatik.

Dr Mahathir kemudiannya ke Singapura untuk menyampaikan ucapan di Persidangan Kemuncak Ekonomi Asia Timur. Forum itu dianjurkan oleh Forum Ekonomi Dunia yang berpusat di Geneva. Dalam ucapannya beliau menyarankan penubuhan sebuah Dana Kewangan Asia Timur (EMF). Tujuannya ialah untuk membantu negara-negara Asia Timur dalam menghadapi masalah kewangan. Malaysia sendiri mengalami masalah itu dan masih tidak tunduk kepada bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Malah, Malaysia menghadapi krisis yang melanda ekonominya dengan formula sendiri iaitu dengan memperkenalkan kawalan modal yang terbukti menghasilkan kejayaan.

Kemudian, sekembalinya dari Singapura, beliau yang masih bertenaga terus ke majlis perasmian sidang Industri Kecil dan Sederhana (SMI) di Kuala

Lumpur.

Selasa lalu, beliau sibuk dengan lawatan rasmi Presiden Venezuela, Hugo Rafael Chaves Frias. Pertemuan ini juga berkisar kepada persoalan dagangan antara Malaysia dengan Venezuela, sebuah negara di Amerika Latin. Ini membuktikan keupayaan Malaysia dalam soal dagangan dan kewangan antarabangsa dengan kaedah yang bersifat proaktif. Malaysia kini menjadi rujukan kepada negara-negara yang ingin membangunkan ekonominya.

Urutan dan perkembangan peristiwa itu boleh dilihat dari pelbagai sudut. Antaranya ialah dari sudut politikan dalaman dan politik antarabangsa. Peristiwa-peristiwa itu bukan saja berlaku dengan begitu pantas bagaikan Formula Satu dalam sirkit yang ditentukan, tetapi ia mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Bermula dengan persidangan Parlimen yang dijangka sebagai sidang terakhir sebelum pilihan raya yang mungkin diadakan akhir tahun ini atau awal 2000. Persidangan itu akan membahaskan Belanjawan 2000 yang akan dibentangkan oleh Daim sekian lama tidak muncul sebagai Menteri Kewangan, kerana sebelum ini Anwar adalah Menteri Kewangan. Pembentangan Belanjawan 1999 dilakukan sendiri oleh Dr Mahathir pada penghujung tahun lalu (1988). Pembentangan itu dilakukan sesudah dua peristiwa iaitu penangkapan Anwar dan pengumuman pengawalan modal. Walaupun dalam suasana muram akibat kegawatan, Malaysia masih mampu merancang belanjawan tahun berikutnya, iaitu untuk tahun ini. Selanjutnya, walaupun nilai ringgit menjunam akibat krisis mata wang, Malaysia masih mampu meningkatkan kegiatan ekonominya. Malah pada satu peringkat ia diramalkan akan menjadi sangat lembap dan akan mengakibatkan pembuangan kerja dan penghantaran pulang pekerja asing.

Ramalan itu ternyata salah. Tindakan pengawalan modal berjaya memulihkan keadaan. Ini juga kerana kestabilan politikan dalaman masih dapat diwujudkan. Puncanya ialah kerana kerajaan yang masih boleh berfungsi dan tidak terdapat perpecahan dari dalam, walaupun ada percubaan untuk mengasak supaya berlaku kekecohan dan perpecahan. Ini dianggap sebagai ujian dan kemampuan mengurus krisis. Walaupun ada tekanan dari luar dan serangan berbentuk psikologikal namun semuanya berjaya ditangkis oleh kerajaan. Malah ada kenyataan yang cuba menyamakan suasana seperti di Indonesia, dan terdapat juga beberapa kegiatan negatif untuk mengasak suasana bertukar menjadi seperti di Indonesia. Namun, ia dapat ditangani dengan berkesan. Malaysia terus bertahan serta berjaya memulih keadaan.

Pengurusan krisis berkenaan dapat dilakukan dengan berkesan kerana gabungan parti dalam BN masih tidak berpecah. Umno sendiri pada awal dilihat sebagai mungkin berpecah seperti 1987, tetapi hal ini tidak berlaku. Ini sebagai penyumbang kepada kekuatan kerajaan dan parti yang mendokong kerajaan masih dalam kesatuan. Ini tidak menjadi faktor mencetus kekeruhan kestabilan politikan dalaman. Orientasi masa depan kerajaan berjaya meletakkan keutamaan yang betul pada masanya, dan Malaysia terus melangkah memenuhi cita-citanya. Kini suara negatif mengenai Malaysia terpaksa mengakui kekuatan mental dan psikologi Malaysia.

Dengan kaedah pengurusan krisis ekonomi dan kewangan yang terancang yang membolehkan prestasi meningkat, apakah ramalan mengenai belanjawan yang akan dibentangkan pada 29 Oktober nanti? Misalnya adakah akan berlaku beberapa pengecualian cukai dan pertambahan peruntukan program sosial. Di samping itu sudah tentu beberapa galakan sebagai tarikan pelaburan asing bagi mempertingkatkan kegiatan ekonomi dan meluaskan peluang pekerjaan akan diberi pertimbangan. Kemungkinan juga sektor awam akan diberi penekanan di samping sektor swasta. Dr Mahathir sendiri menyatakan belanjawan akan bersifat mesra.

Berdasarkan kenyataan Dr Mahathir yang menekankan bahawa belanjawan akan tetap dibentangkan, mempunyai maksud tertentu. Ini dianggap sebagai peluang untuk kerajaan yang mempertahankan kedudukan, menyatakan pendirian

serius dalam pentadbiran dan pengurusan negara. Dengan berbuat demikian ia dapat dilihat sebagai cara memberi isyarat prapilihan raya dan sebagai petunjuk dalam proses membuat penentuan. Jelasnya, ia boleh dimaksudkan sebagai usaha memberi keyakinan kepada pengundi untuk membuat pertimbangan sama ada mahu terus memberikan `endorsement' dalam pilihan raya akan datang. Dengan perkataan lain belanjawan kali ini, mungkin dianggap sebagai `belanjawan pilihan raya', tetapi secara rasional ia adalah tanggungjawab kerajaan dan cara memperlihat keseriusan mengurus serta mentadbir negara. Di samping itu, ia juga boleh dijadikan sebagai garis pemisah antara aktiviti kerajaan dengan mainan politik antara parti.

Berbalik kepada persoalan sama ada Parlimen akan dibubarkan atau tidak dalam persidangan itu, ia terus menjadi ramalan. Dalam hal ini dua pendapat dari dua orang yang pernah menjawat Timbalan Perdana Menteri, iaitu Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar akan dipetik.

Menurut Tan Sri Musa, pilihan raya wajar diadakan dalam masa yang terdekat ini. Ini kerana pelbagai isu sudah ditimbulkan seperti persoalan perkauman, agama dan budaya. Beliau turut menyatakan kebimbangan isu-isu itu, sekiranya dilanjutkan mungkin memudaratkan keadaan dalam keghairahan untuk meraih sokongan dalam bentuk undi. Musa tidak menyebutkan adakah tahun ini atau awal tahun depan. Terdekat boleh dimaksudkan dalam beberapa bulan ini. Ini boleh juga dimaksudkan awal tahun 2000. Atau mungkin juga maksud beliau November ini? Pendapat beliau mungkin ada relevannya kerana sekiranya isu-isu seperti perkauman, agama dan budaya `dimainkan' sehingga ke puncaknya dalam politik antara parti, ia mungkin tidak dapat dikawal. Bagaimanapun sekiranya pilihan raya diawalkan apakah, isu-isu itu tidak dipolitikkan atau dapat dihentikan? Adakah beliau mahu menghantar mesej kepada Dr Mahathir supaya pilihan raya dipercepat agar isu musim pilihan raya tidak dibesar-besarkan dan masa ditumpu kepada pembangunan.

Kepada Tun Ghafar, beliau lebih spesifik dan menyarankan agar pilihan raya diadakan awal tahun depan. Tujuannya ialah agar parti-parti pembangkang ketandusan isu. Daripada saranan beliau, ia boleh dimaksudkan bahawa survival parti pembangkang lebih bergantung kepada isu. Di samping itu mungkin beliau setuju dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk memerangi `pembohongan' dan `fitnah' parti pembangkang terlebih dahulu. Dengan perkataan lain Umno memerlukan masa secukupnya dalam strategi pusingan akhir sebagai penutup kempen pilihan raya.

Kedua-dua pendapat itu mungkin ada kelainan tetapi persoalan pokok ialah jangka waktu BN untuk berdepan dengan pengundi. Dari satu sudut mungkin pendapat mereka mempunyai kesamaan dari segi isu. Musa mahukan isu berbau politik cepat dikesampingkan, manakala Ghafar mahukan isu dijawab sebagai penjelasan pihak BN kepada parti-parti pembangkang dan memberi peluang pengundi membuat pertimbangan.

Kesimpulannya, sama ada pilihan raya diadakan November ini atau awal 2000, pokoknya ialah pertimbangan pengundi mestilah berasaskan kepada pemikiran rasional. Kestabilan politik bergantung kepada kedaulatan warga Malaysia membuat penentuan. Ini berpaut kepada kemampuan proses pembentukan kerajaan yang mampu dalam pengurusan dan pentadbiran. Masa depan politik bukan terletak kepada ideologi semata-mata tetapi terletak kepada dasar yang realistik.

\* Profesor Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir ialah pensyarah Universiti Malaya.

(END)